

Jawatankuasa diwujudkan mantapkan mekanisme pantau aktiviti ambil pasir sungai

2012/11/01

PUTRAJAYA: Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara ke-7 (MSAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini bersetuju mewujudkan satu jawatankuasa bagi memantapkan lagi mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti pengambilan pasir sungai terutama sungai-sungai yang terbabit dalam rancangan tebatan banjir (RTB).

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berkata, keputusan itu diambil berikutan kerajaan persekutuan terpaksa membelanjakan sejumlah besar peruntukan bagi membaik pulih morfologi sungai yang rosak akibat aktiviti pengambilan pasir sungai.

"Pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan terhadap aktiviti pengambilan pasir sungai boleh memberi kesan yang negatif ke atas sungai terbabit.

"Selain menjejaskan kualiti air sungai, pengambilan pasir yang melebihi had boleh menyebabkan dasar sungai menurun dan seterusnya menyebabkan keadaan tidak stabil dan mengancam struktur awam seperti jambatan, rumah pam dan muka sauk.

"Aktiviti pengambilan pasir yang tidak mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan juga boleh merosakkan morfologi sungai. Ini akan turut menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek RTB dan meningkatkan bebanan kos pelaksanaan program RTB," menurut kenyataan itu.

Turut hadir dalam mesyuarat yang diadakan di Bangunan Perdana Putra di sini ialah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, menteri-menteri persekutuan, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. - BERNAMA